

**Borang Usul Pengurus KKP 2024 Bagi Mesyuarat Jawatankuasa  
Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-60 Bil. 1/2024  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Nama : Ts. Dr. Tan Wee Choon  
No. Staf : 0101272  
No. Telefon : 012-5515918  
Jabatan : Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal

Saya seperti nama di atas adalah Pengurus KKP di Jabatan masing-masing ingin mengemukakan usul untuk dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) Kali ke-60 Bil. 1/2024 seperti berikut:

1. Berdasarkan OSHMS-01-02 Garis Panduan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKK) yang bertarikh 1 Julai 2022, sub-perkara 7.2 – Kemudahan mesyuarat menerangkan kaedah mesyuarat bersemuka. Akan tetapi, sejak zaman COVID-19, kebanyakan mesyuarat di program/jabatan/fakulti/universiti telah ditukarkan ke bentuk dalam talian atau hybrid. Mohon **pertimbangkan kelulusan untuk mengadakan mesyuarat KKP secara dalam talian atau hybrid samada di peringkat PTj atau induk**. Pada masa yang sama, mohon **penerangan yang detail berkaitan dengan kesahihan kehadiran semasa mesyuarat KKP secara dalam talian atau hybrid** yang bakal diluluskan.
2. Berdasarkan OSHMS-01-02 Garis Panduan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKK) yang bertarikh 1 Julai 2022, sub-perkara 5.11.1 – struktur jawatankuasa keselamatan dan kesihatan peringkat induk, yang mempunyai wakil fakulti dari setiap fakulti. Mohon **pertimbangan untuk kemaskini keperluan wakil fakulti ini dalam mesyuarat KKP peringkat induk atau membuat perubahan terhadap keperluan wakil fakulti** dalam garis panduan tersebut.
3. Mohon untuk **mengkaji semula cara memunggah bahan-bahan buangan terjadual dari kendera di pusat stor buangan terjadual**. Difahamkan bahawa buat masa sekarang hanya melibatkan tenaga manusia tanpa bantuan mesin/peralatan memunggah. Kebanyakan bahan kimia mempunyai hazard bahan kimia yang boleh dikenalpasti melalui SDS. Akan tetapi, buangan terjadual yang terhasil daripada beberapa bahan kimia melalui tindak balas adalah sukar untuk mengenalpasti jenis-jenis hazard yang terhasil. Walaupun PPE dibekalkan, tetapi kalau diizinkan dan dibenarkan sepatutnya peralatan bantuan memunggah (kaedah kawalan kejuruteraan) disediakan (seperti yang diaplikasikan di industri) untuk elakkan sebarang kemungkinan tumpahan buangan terjadual terkena manusia pada masa hadapan.
4. Sistem penyaman udara di pejabat FKTM, Bilik Mesyuarat Kenanga dan Bilik Seminar Siantan telah mengalami kerosakan sejak 9 Mei 2024. Dijangkakan sistem penyaman udara ini akan siap dibaiki seawal bulan Julai 2024 atas

kelewatan peralatan gantian. Memandangkan angin monsun barat daya bermula pada 17 Mei 2024 ([www.met.gov.my](http://www.met.gov.my)) dan berterusan sehingga September 2024. Dijangkakan cuaca kering dan panas akan berlaku. Adalah kurang keselesaan bagi staf-staf yang bekerja tanpa sistem penyaman udara. **Diharapkan proses pembaikan sistem penyamana dingin dapat dipercepatkan.**

Sekian, terima kasih,



( DR. TAN WEE CHOON

Senior Lecturer  
Mechanical Engineering Programme  
Faculty of Mechanical Engineering Technology  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Email: [twe@unimap.edu.my](mailto:twe@unimap.edu.my)

Melalui,



( PROF. IR. TS. DR. SHAHRIMAN ABU BAKAR  
Dekan

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Email: [shahriman@unimap.edu.my](mailto:shahriman@unimap.edu.my)

Tarikh :

21/5/24